



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
Bil. 13

17hb Jun 2004

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 717.

(Seksyen 261(1)(c))

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Khor Ah Bee (No. K.P. 380922-08-5061) yang beralamat di Batu 13, Jalan Pantai, 34350 Kuala Kurau, Perak dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya;

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara;

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Kerian, Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan pada hari Rabu, 7hb. Julai 2004, pukul 10.00 pagi;

Maka oleh yang demikian, menurut Seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Gunung Semanggol. No. Lot/Petak/P.T—7892 (PT 251), 7894 (PT 253), 8006 (PT 365) dan 8015 (PT 374). Jenis dan No. Hakmilik—PM 257 (HSM 330), PM 259 (HSM 332), PM 373 (HSM 444) dan PM 382 (HSM 453). Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No: 1759/2002 Jilid: —. Folio: —.

Bertarikh	4 Jun 2004.	KAMARUDDIN	BIN	AWANG	
[PTK(FC)	369/04/06.]	<i>Penolong</i>	<i>Pentadbir</i>	<i>Tanah</i>	<i>Daerah</i>
Siasatan	1	<i>b.p.</i>	<i>Pentadbir</i>	<i>Tanah</i>	<i>Kerian</i>

No. 718.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Haji Md. Shafie bin Haji Muda, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Rabu 23hb Jun, 2004 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Larut dan Matang, Taiping;
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM38,000.00 (Ringgit Tiga Puluh Lapan Ribu sahaja); dan
 - (c) Simpanan Melayu.
2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah:
- (a) RM27,048.41 Bank Muamalat, Taiping.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM3,800.00 (Ringgit: Tiga Ribu Lapan Ratus sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) Sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh 22hb Oktober, 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu Kurau. No. Lot—11048 dan 11049. Jenis dan No. Hakmilik—GM 4082 Luas: 0.065 hektar dan GM 4083 Luas: 0.5541 hektar. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Gadaian Pers. No. 367/2002 dan Gadaian Pers. No. 367/2002.

Bertarikh 11 Mei 2004.
[PTLM 369/01/2004/02]
Lelongan 1.

HAJI MD. SHAFIE BIN HAJI MUDA
*b.p. Pentadbir Tanah
Larut Matang dan Selama*

Hakcipta Pencetak

(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian Jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA